

(16 ogos 2021) Sinar Harian, p. 13

# Kuala Lumpur capai imuniti kelompok

Vaksinasi Covid-19 kepada penduduk dewasa sudah mencecah 85 peratus

## KUALA LUMPUR

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berjaya mencapai imuniti kelompok (herd immunity) pada Ahad apabila vaksinasi Covid-19 kepada penduduk dewasa mencecah 85 peratus, kata Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa.

“Alhamdulillah, hari ini (Ahad) Kuala Lumpur berjaya mencapai 85 peratus vaksinasi kepada penduduk dewasa. Doakan keadaan Wilayah kita bertambah baik,” katanya dalam hantaran di akaun Twitternya pada Ahad.

Dalam hantaran sama, Annuar turut menyatakan komitmen untuk meneruskan usaha membantu rakyat.

Hantaran beliau turut memaparkan Statistik Pemberian Vaksin di Wilayah Persekutuan hingga Sabtu, 14 Ogos yang dilaksanakan di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Di Kuala Lumpur, sehingga Sabtu, sebanyak 1.5 juta pen-



Annuar (dua dari kanan) melihat proses vaksinasi dos kedua di Rumah Prihatin Grand Seasons, Kuala Lumpur pada Ahad.

duduk atau 85 peratus sudah melengkapkan dua dos vaksin Covid-19. Jumlah ini mengatasi sasaran ditetapkan iaitu 80 peratus atau 1.48 juta penduduk.

“Sebanyak 2.5 juta penduduk atau 144 peratus penduduk Kuala Lumpur sudah menerima dos pertama vaksin Covid-19,” katanya.

Annuar berkata, di Putrajaya, jumlah penduduk yang sudah melengkapkan dua dos vaksin Covid-19 ialah

81,543 individu atau 74 peratus berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu 88,000 penduduk atau 80 peratus.

Jumlah penduduk yang sudah menerima dos pertama vaksin Covid-19 di Putrajaya ialah 120,984 orang atau 110 peratus.

Sementara di Labuan, 92 peratus atau 63,440 penduduk sudah melengkapkan dua dos vaksin Covid-19. - Bernama

MEDEPANI KRISIS  
COVID-19:  
APA TINDAKAN  
KITA?